

Newspaper	Utusan Melayu
Date	11/08/2017

**Dr. Mahathir  
sedia disiasat**  
Um-11/8/2017 03-13

**KUALA LUMPUR 10**  
Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau sedia disiasat oleh Lembaga Hasil Dalam Negara (LHDN) atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan kekayaan luar biasa yang dimilikinya sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.



**MAHATHIR MOHAMAD**

Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP itu turut mengalu-alukan dua agensi tersebut untuk menyiasat segala-galanya termasuk semua dokumen berkaitan dirinya jika perlu.

"LHDN dialu-alukan untuk menjalankan serbuan, malah didapati ada cadangan daripada beberapa pemimpin yang mahu SPRM menjalankan siasatan terhadap saya dan anak-anak saya.

"Jadi, saya mengalu-alukan LHDN dan SPRM untuk menyiasat dan memeriksa semua dokumen berkaitan saya. Mereka mempunyai hak tersebut dan boleh berbuat demikian," katanya dalam sidang akhbar Majlis Presiden Pakatan Harapan di Bangunan Parlimen hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) diminta mengulas mengenai serbuan LHDN terhadap tiga syarikat iaitu Kencana Capital Sdn. Bhd., Opcom Holdings Berhad dan Crescent Capital Sdn. Bhd yang dimiliki anak-anaknya, Datuk Seri Mukhriz, Datuk Mokhzani dan Mirzan, kelmarin.

Baru-baru ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berpandangan, Dr. Mahathir dan ahli keluarganya harus disiasat oleh pihak berkuasa berhubung kekayaan yang dimiliki mereka.